

BAB 3

KEPENTINGAN DAN KEDUDUKAN WANITA DALAM PERADABAN INDIA

3.1 KEDUDUKAN WANITA DARI KONSEP KEAGAMAAN

Menurut Vimla Farooqui dalam bukunya bertajuk "*A Short Story of Women's Movement in India*"(1996), tiada masyarakat dunia yang mempunyai kedudukan wanita yang statik (tanpa perkembangan) sepanjang zaman. Menurut beliau lagi, apabila manusia mengubah corak kehidupan mereka dari corak kehidupan bertani kepada kehidupan berasaskan penternakkan dan seterusnya ke arah penggunaan jentera moden, kedudukan wanita juga berkembang mengikut zaman.

Sumbangan pergerakan reformasi wanita terhadap peradaban India amat tinggi nilainya. Sebelum sumbangan-sumbangan tersebut dianalisa dengan lebih lanjut, adalah wajar untuk dikaji terlebih dahulu apakah sebab-sebab pergerakan reformasi wanita muncul pada awal abad ke 19.

Bagi menjawab persoalan penting seperti kenapa reformasi wanita diperlukan dan apakah punca tercetusnya reformasi ini pada abad ke 19, terlebih dahulu kerosotan kedudukan wanita harus dikaji. Bab ini akan membincangkan kedudukan wanita semasa zaman Veda, permulaan penindasan wanita pada Zaman Manu dan keadaan wanita semasa ketibaan pihak British di India.

Kemudian, persoalan penting yang akan dijawab dalam bab ini ialah, bilakah kedudukan wanita mula merosot dan apakah faktor-faktor yang menyumbang ke arah kemerosotan kedudukan dan martabat wanita India secara mendadak.

ZAMAN VEDA(4000 sebelum masehi)

Pada awal peradaban India, iaitu lebih kurang pada tahun 2500 sebelum masehi, masyarakat Hindu di Lembah Sungai Indus menyembah patung tuhan bentuk wanita iaitu mengamalkan konsep “dewi” dalam penyembahan tuhan. Ianya terbukti semasa seorang ahli kaji arkeologi yang terkenal bernama John Marshall melakukan pengalian di dua penempatan penting peradaban Indo-Aryan iaitu Mohenjo-daro dan Harappa di Lembah Sungai Indus(John A.Mears, Joachim R.Schneider,1985;27).

Penemuan artifak-artifak “Dewi” iaitu patung berupa wanita yang disembah oleh orang-orang Hindu pada masa itu sudah cukup membuktikan bahawa masyarakat pada masa tersebut meletakkan wanita dalam satu kedudukan yang amat tinggi dengan menggunakan simbol wanita sebagai ciri ketuhanan mereka.

Walaupun cara hidup penduduk Lembah Indus tidak dapat dikenal pasti kerana kurangnya rekod-rekod sejarah,kedudukan wanita masih boleh dikaji melalui pemahaman teks-teks agama Hindu suci yang di namakan Veda.

Mazmur suci masyarakat Hindu yang dinamakan sebagai Veda ini yang ditulis dalam bahasa Sanskrit yang mengandungi peraturan-peraturan ritualistik yang

menjadi garis panduan orang-orang Hindu dalam semua upacara agama mereka. Usia sebenar teks dan penulisnya tidak diketahui. Ianya terbahagi kepada empat bahagian yang besar iaitu Rig-Veda, Atharva Veda, Sama Veda dan Yajur Veda. Rig Veda merupakan teks Veda yang paling tua yang digunakan oleh orang Hindu dalam upacara-upacara agama yang menjadi asas panduan hidup yang penting (Shakuntala Rao Shastri, 1960:40).

Walaupun kedudukan wanita tidak dihuraikan secara mendalam di dalam teks-teks suci ini, namun peranan wanita boleh dilihat melalui beberapa puisi pada zaman Rig Veda dan Atharva Veda yang menyebut tentang peranan wanita dan corak kehidupan mereka dalam institusi keluarga pada zaman tersebut (Ibid:1).

3.1.1 Rig Veda

Kedudukan wanita dalam sesebuah masyarakat boleh dinilai dari aspek sambutan yang diberikan apabila bayi perempuan dilahirkan dalam sesebuah keluarga Hindu. Adakah ianya peristiwa mengembirakan ataupun tidak? Rig Veda (R.V: VII 2,5 , X:168,2) ada menyebut bahawa gadis remaja dibenarkan bergaul dengan masyarakat dalam upacara perayaan agama (Ibid:7).

Peranan wanita sebagai isteri di zaman Veda dikatakan mempunyai tanggungjawab berkongsi suka-duka dan turut serta dalam upacara keagamaan bersama suaminya (R.V. VIII. 31,5 & 6) tetapi tidak pula menyebut tentang amalan poligami secara jelas (Ibid:2).

Kedudukan balu wanita pula kurang jelas, tetapi Rig Veda(R.V.,X:18,8 , X:40,2) ada menyebut bahawa saudara lelaki kepada balu wanita mempunyai hak untuk mengaturkan perkahwinan semula untuk saudara perempuan yang kematian suami dalam keluarga tersebut dengan restu orang-orang tua dalam keluarga tersebut.

Zaman Veda tidak banyak menceritakan amalan sati, tetapi ada disebut amalan Niyoga di mana wanita yang kematian suami boleh berkahwin lagi untuk tujuan melahirkan anak(Gosh,S.K,1989:3).

Semasa zaman Veda, seseorang wanita boleh memilih suami mereka sendiri. Oleh kerana wanita pada masa ini berkahwin pada umur lingkungan 16 tahun, mereka juga diberi peluang pendidikan oleh bapa mereka tentang ajaran agama. Praktis ini melahirkan ramai tokoh wanita yang bijak dan berpengetahuan dalam bidang ilmu Veda. Di antara nama-nama tokoh wanita yang menjadi penyajak dan ahli falsafah yang terkenal(Rig Veda) adalah seperti Lopamudra,Visvavara dan Srikata Nivari.Wanita yang berpendidikan tinggi pula terdiri dari Maitreyi, Vadava,Prathiteyi dan Gargi Vachaknavi (Shridevi.S,1965:2).

Wanita zaman Veda menikmati status sosial yang tinggi dan setanding dengan kaum lelaki. Mereka bebas keluar rumah dan berhak ke atas harta benda ayah mereka. Beberapa wanita seperti Sulabha, Dhritavarata dan Strutavati tidak berkahwin semata-mata ingin mencari ilmu dan mencapai status kerohanian yang tinggi pada zaman ini. Cendikiawan seperti Lopamudra, Gargi,Apala dan Maitreyi mencapai tahap pendidikan yang amat tinggi dan disanjung oleh masyarakat pada

zaman Veda kerana kebijaksaan mereka dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan(Ibid:2-4).

Seorang lagi wanita cerdik pada zaman Veda, bernama Atreyi, pernah berguru dengan dua orang pendeta terkenal iaitu Valmiki dan Agastya. Terdapat pula seorang lagi wanita yang mahir dalam bidang matematik dan astronomi bernama Leelavathi sering menolong ayahnya Bhaskaracharya dalam bidang tersebut (Gosh,S.K,1989:3-4).

3.1.2 Atharava Veda(A..V)

Kandungan Arthava Veda(A.V. VI,11,3) ada menyebut mantra yang mendoakan agar ibu mengandung melahirkan anak lelaki dan “anak perempuan biarlah dilahirkan di tempat lain” (Shakuntala Rao Shastri,1960:2).

Seperti yang di sebut dalam Atharva Veda (A.V XIV), seseorang wanita tidak mempunyai hak untuk memilih suami. Ini menunjukkan suatu kelainan berbanding dengan dengan kandungan Rig Veda yang awal. Hanya ibu-bapa dan keluarga yang berhak menentukan bakal suami bagi wanita dalam sesebuah keluarga Hindu pada masa ini (Ibid:46).

Balu wanita pula dikehendaki berbaring bersama mayat suaminya dan akan dibakar disamping mayat suaminya(A.V III,18,1). Ini menujukkan tanda-tanda awal amalan Sati iaitu pembakaran wanita yang masih hidup bersama mayat suaminya

(Shakuntala Rao Shastri,1960:56). Maklumat ini jelas menunjukkan tanda-tanda awal kemunculan kemerosotan dalam kedudukan wanita.

Kedudukan wanita zaman Veda mempunyai kegemilangan dan kemerosotannya. Wanita dipandang mulia dan disanjung tinggi apabila beliau menunaikan segala tanggungjawab sebagai isteri,ibu dan anak perempuan. Walaupun kedudukan wanita di zaman dapat diteliti dari beberapa sudut, namun kesahihannya masih menjadi tanda tanya pakar kaji sejarah kerana ianya tidak mempunyai bukti dan rekod yang kukuh dari nilai sejarahnya dalam peradaban India. (Gosh,S.K,1989:5).

3.2 KEDUDUKAN WANITA DARI SUDUT FALSAFAH HINDU

Jika di kaji dari sudut agama, hasil karya Veda merupakan panduan penting dalam agama Hindu. Teks-teks Veda lebih membincangkan aspek keagamaan dan ritual semasa upacara keagamaan. Manakala undang-undang sosial orang India adalah ditulis oleh beberapa orang ahli falsafah Hindu yang terkenal sejak awal abad pertama masehi.Tokoh-tokoh falsafah terkenal yang mencipta undang-undang sosial adalah seperti Gautama, Baudhayana, Apastamba ,Vashista dan Manu (Vimla Farooqui,1996:2).

Undang-undang sosial yang dicipta oleh tokoh-tokoh tersebut banyak menjadi panduan masyarakat India. Boleh dikatakan kemerosotan kedudukan dan martabat wanita mula muncul setelah masyarakat tersebut mula mempraktikkan falsafah-falsafah yang dikarang oleh tokoh-tokoh tersebut terutamanya undang-undang Manu.

Undang -undang Manu ini akan dibincangkan kemudian secara terperinci menjelaskan kemerosotan kedudukan wanita secara mendadak dalam peradaban India. Banyak amalan undang-undang tersebut dipraktikan pada abad ke 19 secara meluas. Pendekatan ini digunakan untuk membuktikan secara jelas detik-detik permulaan kemerosotan kedudukan dan martabat kaum wanita India .

3.2.1 GAUTAMA

Beliau merupakan orang yang pertama mencipta undang-undang dan menyatakan Veda adalah merupakan panduan hidup orang-orang Hindu. Beliau dikatakan dilahirkan pada abad ke 7 sebelum masehi(Vimla Farooqui,1996:2).

Menurut Gautama, perkahwinan adalah suatu kontrak sosial. Lelaki harus berkahwin dengan wanita yang berasal dari kasta yang sama, lebih muda dan belum pernah berkahwin atau masih dara (Ibid:3).

Walaubagaimanapun, Gautama membenarkan perkahwinan di antara kasta yang berbeza dan anak yang dilahirkan dari kasta rendah akan diterima oleh masyarakat dari kasta yang lebih tinggi. Gautama menyatakan tanggungjawab isteri dalam upacara agama adalah terhad dan kebebasan wanita disekat serta mereka dikehendaki menurut perintah suami (Gautama, Dhrama Sutra, Bab XVIII:2)dalam segala hal(Ibid:3).

Kaum wanita juga dikehendaki taat kepada suami, sentiasa kawal perbualan, pandangan dan tingkahlaku supaya tidak menyinggung perasaan atau menjatuhkan martabat suami serta keluarga mertuanya. Gautama membenarkan perkahwinan semula balu, tetapi dengan syarat balu tersebut hanya dibenarkan berkahwin saudara iparnya dengan seberapa segera yang boleh selepas kematian suami. Amalan seperti ini dinamakan sebagai sistem Niyoga(Vimla Farooqui,1996:3).

Menurut sistem Niyoga(Vimla Farooqui,1996:3), seseorang wanita yang kematian suami, masih boleh melahirkan anak dari hasil perhubungan dengan saudara iparnya. Jika saudara ipar beliau dianggap tidak sesuai, maka wanita tersebut boleh berkahwin dengan lelaki lain dari kasta yang sama untuk tujuan melahirkan anak.

Kebaikan undang-undang yang dicipta oleh Gautama terhadap wanita ialah, beliau membenarkan wanita mewarisi harta peninggalan ayah(dengan restu ayahnya) jika ayah wanita tersebut tidak mempunyai anak lelaki. Beliau juga memberi hak kepada isteri untuk menjadi salah seorang pewaris harta yang sah terhadap peninggalan suami(Ibid:4).

Pendidikan wanita pula dikatakan mulai merosot pada tahun 800 S.M -300 S.M(Gosh,S.K,1989:5).

3.2.2 BAUDHAYANA

Baudhayana dikatakan berasal dari selatan India iaitu Andhra. Pada masa ini ramai kanak-kanak perempuan dijual oleh ayah mereka.Baudhayana dikatakan menentang

keras amalan ini, tetapi beliau sendiri tidak percaya tehadap kebebasan wanita (Vimla Farooqui,1996:4). Semasa zaman ini, kedudukan wanita dikatakan semakin merosot.

Menurut undang-undang yang dicipta oleh Baudhayana, monogami adalah sesuatu peraturan bukannya sesuatu yang wajib dan jika ada amalan poligami, ianya pula tidak disekat. Antara beberapa peraturan lain ialah ternyata ada kesinambungan amalan Niyoga yang dikenakan terhadap wanita . Imenurt Vimla Farooqui dalam bukunya, “A Short History of Women’s Movement in India”,lain-lain peraturan adalah seperti berikut:

- a) Lelaki yang mempunyai hanya anak perempuan sahaja dibenarkan kahwin lagi bagi tujuan mendapatkan anak lelaki.
- b) Undang-undang yang lebih ketat dikenakan terhadap balu wanita. Mereka dikehendaki tidur atas lantai, membuat kerja-kerja rumah seperti orang gaji dan tidak dibenarkan makan makanan yang lazat tetapi hanya sisa peninggalan ahli keluarga. Setelah melalui kehidupan yang perit ini, barulah balu tersebut dibenarkan berkahwin lagi.
- c) Anak perempuan juga tiada hak ke atas harta bapa dan hanya boleh menyimpan barang kemas ibu mereka.

Kemerosotan kedudukan wanita jelas dilihat dalam era ini di mana kelahiran anak lelaki amat disanjung dan anak perempuan dianggap sebagai satu beban. Wanita juga tidak dibenarkan sama sekali mewarisi harta peninggalan ayah walaupun beliau merupakan anak tunggal.

3.2.3 APASTAMBA(abad 3 sebelum masehi)

Apastamba berasal dari selatan India dan hidup pada abad 3 S.M. Beliau memperkenalkan undang-undang yang lebih ketat terhadap wanita (Vimla Farooqui,1996:4). Di antaranya adalah:

- a) Perkahwinan di antara kasta yang berlainan dilarang sama sekali.
- b) Amalan Nigoya atau perkahwinan semula balu wanita juga dilarang.
- c) Menggalakan monogami.
- d) Anak perempuan dan ibu tidak boleh mewarisi harta kecuali barang kemas sahaja.
- e) Amalan purdah mula diperkenalkan.Wanita perlu menutup wajah di khalayak ramai.

Era Apastamba juga banyak menindas dan menyekat kebebasan wanita. Undang-undang yang dicipta oleh kaum lelaki ini menampakkan satu peraturan yang dianggap berat sebelah kerana memberi keutamaan kepada kaum lelaki untuk membuat segala keputusan tetapi masyarakat India pada masa itu menerima ianya sebagai amalan hidup mereka kerana kemungkinan kaum wanita tidak mempunyai kebebasan untuk bersuara dan membuat keputusan demi kepentingan mereka.

3.2.4 VASISHTHA

Vasishtha pula memperkenalkan undang-undang yang semakin ketat terhadap wanita berbanding dengan tiga tokoh terdahulu tadi. Menurut beliau, “wanita tiada hak untuk bebas dan anggota keluarga lelaki adalah tuan mereka”(Vasishtha, Dharma Shastra, I:37).

Gerak-geri wanita harus diperhatikan supaya mereka tidak menjatuhkan maruah keluarga dan mengabaikan tanggungjawab untuk melahirkan anak lelaki (Vimla Farooqui,1996:5). Antara peraturan yang dikenakan oleh Vasishtha terhadap wanita adalah:

- a) Membenarkan perkahwinan semula balu setelah wanita menjalani kehidupan yang susah selama 6 bulan seperti tidur atas lantai, tidak boleh bersolek, memakai pakaian yang serba putih serta makan makanan dai sisa tinggalan ahli keluarga lain.
- b) Membenarkan wanita yang ditinggalkan oleh suami untuk berkahwin lagi. Poligami dikhaskan untuk golongan Brahmin dan Kashatriya(golongan askar). Lelaki Brahmin boleh mempunyai 3 orang isteri manakala Kashatriya boleh mempunyai dua orang isteri.
- c) Jika seorang lelaki tidak mempunyai anak lelaki maka anak perempuan boleh dilantik sebagai waris yang sah.
- d) Menggalakkan perkahwinan kanak-kanak.

Walaupun ada kebaikan dalam undang-undang Vasishtha, amalan poligami yang dikenakan telah membawa banyak penindasan terhadap wanita. Lebih-lebih lagi wanita tidak bebas melakukan sesuatu kerana sentiasa diawasi oleh pihak keluarga dan masyarakat.

Boleh dirumuskan era ini banyak memberi kebebasan kepada kaum wanita pada mulanya tetapi lama-kelamaan hak dan kebebasan wanita semakin disekat sehingga menyebabkan masyarakat mula mengenakan pelbagai peraturan sosial yang ketat terhadap wanita.

3.3 KEMEROSOTAN KEDUDUKAN WANITA

3.3.1 ZAMAN MANU(abad 1)

Pada zaman Manu, banyak undang-undang diperkenalkan kepada masyarakat Hindu dipraktikkan sehingga kedatangan British pada abad ke 19. Undang-undang ini dikarang oleh beberapa orang ahli falsafah yang terkenal. Ahli falsafah yang paling terkenal adalah Manu(Vimla Farooqui,1996:9).

Zaman ini dinamakan sempena nama beliau. Pada zaman ini kedudukan dan martabat wanita merosot dengan amat ketara berbanding dengan zaman-zaman sebelumnya. Antara beberapa peraturan yang diperkenalkan oleh Manu (Ibid:9-10) terhadap wanita adalah:

- a) Perkahwinan antara kasta dilarang sama sekali.
- b) Perkahwinan kanak-kanak sah disisi undang-undang.

- c) Adat Niyoga dilarang dan kaum lelaki dibenarkan kahwin lagi.
- d) Wanita yang sudah berkahwin tidak boleh bebas keluar tanpa pengetahuan suami.
- e) Wanita hanya dibenarkan makan selepas suami tidak kira apa juga keadaan.
- f) Undang-undang Sati (amalan wanita dibakar hidup-hidup dalam upacara kematian suami) diperkenalkan pada masa ini.

Zaman ini juga jelas menunjukkan bahawa wanita tidak mempunyai kebebasan dan terpaksa ikut telunjuk kaum lelaki dalam segala hal yang berkaitan dengan kehidupan mereka. Zaman ini boleh dianggap sebagai satu zaman yang dilihat sebagai era "gelap" dalam sejarah wanita India kerana inilah masanya kedudukan wanita dan status mereka menurun secara mendadak terutamanya apabila amalan "Sati" mula berleluasa.

3.3.2 ZAMAN KAUTILYA(abad 4 s.m.)

Zaman ini dikenali sebagai Kautilya, sempena nama seorang tokoh politik dan menteri kepada Chandra Gupta Maurya yang terkenal pada masa itu. Dalam buku Arthashastra(panduan undang-undang) yang ditulis oleh Kautilya undang-undang dipisahkan dari agama dalam kehidupan harian. Beberapa undang-undang yang berkait dengan wanita adalah (Ibid:6):

- a) Umur perkahwinan wanita adalah 12 tahun, manakala lelaki 16 tahun.
- b) Konsep “dowri” diperkenalkan. Menurut konsep ini, ayah pengantin perempuan akan memberi hadiah kepada pengantin lelaki dalam bentuk duit, barang

kemas, harta dan binatang peliharaan. Ianya di anggap sebagai pampasan kerana mereka tidak boleh mewarisi harta ayah mereka yang hanya dimiliki oleh anak lelaki sahaja.

- c) Balu wanita dibenarkan berkahwin semula dengan syarat pengantin lelaki harus membayar dowri kepada bekas ayah mertua wanita tersebut.
- d) Poligami dibenarkan.
- e) Wanita hanya boleh mewarisi barang kemas ibu mereka dan bukan harta ayah mereka.

Walaupun ada undang-undang yang dikenakan terhadap wanita, masih ada wanita pada zaman ini terutamanya dari golongan kerabat diraja dan bangsawan yang banyak menyumbang dan berkorban demi negeri dan rakyat mereka. Ramai daripada mereka juga menjadi pemimpin yang memerintah negeri mereka dengan bijaksana dan berani.

Puteri Nayanika dari Dinasti Satavahana(abad ke 2), Prabhavati Gupta dari Keluarga Vakataka(abad ke 4),Vijayabhattarika dari keluarga Chalukya(abad ke 7) dan Sugandha dan Didaki dari Kashmir(abad ke 10) pernah memerintah negara masing-masing semasa ketiadaan suami atau anak lelaki mereka(Gosh S.K,1989:5).

Di bawah pentadbiran Chalukya pada tahun 980 –1160 masehi, perlantikan gabenor-gabenor dan pegawai wanita dalam kerajaan adalah amalan yang lumrah. Semasa Zaman Gupta, Chandragupta I memerintah negara bersama dengan isterinya. Puteri Masaga dikatakan telah menentang Iskandar Zulkarnain apabila suaminya meninggal dunia di medan perang (Ibid:6).

Zaman ini juga mempunyai signifikasi yang penting dalam soal penindasan terhadap wanita kerana pada zaman ini konsep "dowri" mula diamalkan secara berleluasa.

3.3.3 ZAMAN MOGUL

Kedudukan wanita bertambah merosot semasa zaman Mogul ini dimana dengan kedatangan agama Islam, amalan purdah(menutup wajah) mula diperkenalkan. Namun beberapa wanita dari kerabat raja Mogul telah menyumbang bakat mereka dalam bidang lukisan dan penulisan pada zaman ini (Vimla Farooqui,1996:12).

Antara wanita yang terkenal pada masa ini adalah seperti Chand Sultana, seorang kerabat diraja yang mahir dalam pelbagai bahasa serta seorang pelukis terkenal pada masa itu. Hasil lukisan beliau banyak memaparkan seni lukis zaman Mogul yang masih terkenal sehingga hari ini.Gulbadan Begam, anak kepada raja Mogul yang mashyur bernama Babur merupakan penulis cerita Humayun-Namah. Kisahnya menggambarkan pengalaman hidup adik beradik pada masa itu.Beberapa puteri dan permaisuri Mogul yang fasih bahasa Arab dan Parsi adalah seperti Mumtaz Mahal(isteri Shah Jehan),Nurjaha(isteri Jahangir) dan Zab-un-Nisa Begam, anak Shah Jehan (Shridevi.S,1965:4).

Pada masa yang sama beberapa wanita kerabat raja Hindu juga terkenal dan mempunyai tahap pendidikan yang tinggi adalah seperti Maharani Rudrama Devi dari Dinasti Kakatiya yang memerintah Orugellu, Andra, pada abad ke 13. Mira Bai

pula merupakan seorang penyajak terkenal pada abad ke 15 dan Avvayar seorang penyajak dan falsafah Tamil yang terkenal di Selatan India pada era yang sama(Gosh S.K,1989:6).

Detik penting dalam era ini adalah pengenalan amalan purdah terhadap wanita. Wanita dikehendaki menutup wajah mereka dan tidak dibenarkan keluar rumah secara bebas kerana dianggap kurang sopan oleh masyarakat(Vimla Farooqui,1996:12).

Kronologi sejarah dari zaman klasik ke zaman kontemporari ini jelas menunjukkan bahawa terdapat kemerosotan dalam kedudukan wanita dalam masyarakat India.

Apakah faktor-faktor yang menyumbang ke arah kemerosotan ini?

Menurut Aggarwal(1976), Gangi,Maitreyi, Atreyi, Kausalya, Tara dan Draupadi merupakan nama-nama wanita dalam teks Sanskrit klasik yang mempunyai pendidikan tinggi dan mereka ini diberi gelaran Brahavadani iaitu wanita yang mendapat ilmu tentang tuhan.

Di zaman Veda, setiap pelajar harus melalui upacara “Upanayana” iaitu upacara menghormati guru mereka dan berikrar akan meluahkan perasaan taat dan hormat terhadap guru mereka. Biasanya guru juga akan dihadiakan buah-buahan,pakaian dan kebendaan mengikut memampuan ibubapa pelajar (Aggarwal,1976:2-8).

Menurut seorang penulis bernama Mathur(1973) dalam buku beliau berjodol “Women’s Education in India 1813-1966”, antara faktor-faktor yang membawa

kepada kemerosotan kedudukan wanita dari zaman Aryan ke abad 19, disebabkan oleh beberapa faktor tertentu seperti:

- a) Kemasukan wanita bukan Aryan ke dalam kelyarga Aryan. Pada mulanya mereka hilang hak untuk belajar teks-teks agama, kemudiannya upacara “Upayanaya” hanya diwajibkan untuk pelajar lelaki.
- b) Amalan perkahwinan kanak-kanak menyebabkan pelajar wanita tidak sempat menamatkan pengajian mereka.
- c) Sistem kasta menjadi lebih rigid dan wanita dikawal rapi. Kini golongan bawahan yang dikenali sebagai “Shudra” dilarang mendapat pendidikan. Golongan atasan seperti Bhramin(yang melakukan upacara agama) dan Kshatriya(askar) diberi peluang pendidikan dan latihan mengikut keperluan kelas masing-masing.Golongan Brhamin diajar teks Veda untuk melakukan upacara agama dan golongan Kshatria diajar teknik strategi berperang.
- d) Guru-guru terdiri dari kaum lelaki, maka kanak-kanak yang lebih dari 10 tahun tidak dibenarkan belajar dalam suasana begini tanpa pengawasan ahli keluarga.
- e) Kedatangan Islam yang membawa amalan purdah milarang wanita keluar rumah secara bebas untuk mendapat pejaran. Bagi golongan yang kaya,

kanak-kanak perempuan mendapat bimbingan seorang guru di rumah dengan penawasan ahli keluarga.

Pengkaji berpendapat salah satu faktor penting yang membawa kepada kemerosotan ini adalah di sebabkan oleh sekatan-sekatan yang dikenakan terhadap peluang pelajaran yang sama seperti lelaki di zaman Veda. Ini disebakan oleh beberapa amalan sosial yang mengongkong dan menindas wanita seperti yang disebutkan di atas.

Setelah mengkaji peralihan kedudukan wanita dari dua zaman tadi, kini kajian ditumpukan pada abad ke 19, iaitu detik-detik awal permulaan reformasi sosial wanita. Dengan mengkaji kedudukan wanita pada era ini pembaca akan dapat satu gambaran kenapa reformasi sosial amat diperlukan terutamanya pada abad ke 19 dan 20.

3.4 KEDUDUKAN WANITA DALAM KELUARGA PADA ABAD KE 19.

3.4.1 Isteri

Komposisi keluarga pada era ini sering terdiri dari sekurang-kurangnya dari tiga generasi yang berlainan iaitu nenek, anak dan cucu. Keluarga ‘bersama’ ini hidup dalam keadaan harmoni dan setiap anggota keluarga mempunyai fungsi mereka tersendiri. Ketua keluarga biasanya adalah lelaki yang paling tua dalam keluarga tersebut. Jika anak lelaki sudah berkahwin, maka isterinya betanggungjawab untuk melakukan kerja rumah seperti memasak, sembahyang, menjaga anak dan

mengemas rumah. Kaum lelaki yang dewasa mencari nafkah dan akan memberi pendapatan mereka kepada ketua keluarga. Hasil pendapatan tersebut akan di kongsi bersama oleh semua ahli keluarga lain yang tinggal di bawah bumbung yang sama(Margaret Cormack,1961:1).

Apabila seorang suami kembali dari bekerja, seorang isteri harus memberi layanan yang penuh hormat dan memastikan bahawa anak-anak tidak mengganggu ketika suaminya sedang berehat. Wanita Hindu tidak dibenarkan menceraikan suami. Suami ibarat ‘tuhan’ dan harus diberi layanan istimewa walaupun si suami kadang-kala berlaku kejam atau curang terhadap isteri mereka(Margaret Cormack,1961:17).

Varahamihira, seorang penulis teks ‘Bihatsamhita’ pada abad ke 6 masehi menyatakan 3 fungsi penting seorang isteri Hindu adalah untuk melahirkan anak lelaki, memuaskan nafsu suami dan membawa tuah kepada keluarga mertua(Gosh,S.K,1989:13).

Isteri dilarang bekerja untuk mencari nafkah hidup dan terpaksa bergantung kepada pendapatan suami. Biasanya wanita golongan yang bangsawan dan atasan sahaja dilarang bekerja. Sebaliknya wanita miskin akan bekerja di sawah dan ladang untuk mencari pendapatan hidup. Biasanya anak kecil mereka akan dibawa bersama ke ladang atau sawah supaya mereka boleh mengawasi aktiviti anak mereka. Satu buaian akan diikat pada pokok yang berhampiran. Apabila bayi mereka menangis, ibu akan menyusukan bayi tersebut dan kembali untuk bekerja seperti biasa(Margaret Cormack,1961:5).

3.4.2 Ibu

Di India, seseorang wanita mencapai status yang paling tinggi apabila menjadi seorang ibu. Bahkan, penghormatan ini mula diberikan sewaktu wanita diketahui mengandung. Wanita yang mengandung dianggap membawa tuah kepada keluarga tersebut(Margaret Cormack,1961:3).

Namun,ibu mengandung tidak digalakkan bercakap mengenai anak yang bakal dilahirkan. Malah mereka juga tidak dibenarkan untuk membuat persiapan rapi untuk bakal anak mereka. Jika seseorang wanita melahirkan anak lelaki, status beliau menjadi semakin tinggi. Bayi perempuan pula dianggap sebagai beban kerana si ayah terpaksa mencari harta untuk dijadikan sebagai hantaran perkawinan apabila anak perempuan tersebut dewasa. Anak lelaki pula dianggap membawa tuah kerana bukan sahaja akan mencari nafkah hidup tetapi akan membawa harta isterinya masuk ke rumah(Margaret Cormack,1961:5).

Tanggungjawab menjaga dan membesarkan anak yang baru lahir biasanya dipikul oleh ibu kerana suami sibuk mencari nafkah hidup. Oleh kerana keluarga orang India terdiri dari beberapa generasi yang tinggal sebumbung, pengjagaan kanak-kanak dalam sesebuah keluarga juga merupakan tanggungjawab nenek,ibu mertua, mak saudara, sepupu atau saudara perempuan dewasa yang tinggal di rumah tersebut(Margaret Cormack,1961:8).

3.4.3 Kanak-kanak perempuan

Kanak-kanak perempuan dianggap kurang istimewa, berbanding dengan kanak-kanak lelaki yang akan diberi layanan istimewa sejak lahir lagi. Kanak-kanak perempuan biasanya hanya dimanjakan oleh ayah mereka sehingga anak itu mencapai umur lingkungan 3 atau 4 tahun.

Kanak-kanak perempuan tidak bebas keluar rumah atau bermain di kawasan padang. Mereka juga dilarang keluar rumah tanpa diiringi oleh adik atau abang lelaki atau seorang dewasa. Sejak usia lebih-kurang 7 tahun mereka diasuh membuat kerja rumah. Mereka juga jarang diberi peluang pendidikan seperti saudara lelaki mereka kerana ibu-bapa beranggapan pelajaran tidak berguna bagi anak perempuan yang bakal membuat kerja rumah dan melayan suami serta anak mereka di rumah mertua (Ibid:9)

3.5 KEDUDUKAN WANITA DARI ASPEK SOSIAL

Kedudukan wanita dari aspek sosial dianggap sebagai elemen terpenting dalam kajian ini kerana ianya banyak membincangkan kesengsaraan wanita yang ditindas oleh landasan sosial yang kolot dan dianggap jauh menyimpang dari ajaran agama yang sebenar. Beberapa kes tertentu yang akan dibincangkan akan memberi bukti dan gambaran yang sebenar tentang penindasan terhadap wanita India dan kenapa reformasi amat diperlukan oleh golongan wanita.

3.5.1 Adat Sati

Menurut Gosh,S.K, dalam buku berjodol “*Indian Women Through Ages*” (1989), perkataan “Sati” bermaksud “wanita sejati”, suatu konsep yang digunakan untuk membakar wanita hidup semasa upacara pembakaran mayat suami. Menjadi popular pada abad 400 masehi dan kukuh kedudukannya semasa tahun 700 masehi di kalangan keluarga raja Rajput dan golongan Kshatriya. Kemudian ianya menular di kalangan keluarga Brahmin di Bengal dan kawasan lain yang mengamalkan ajaran orthodox Hindu.

Adat Sati ini merupakan satu upacara dimana seorang balu wanita akan dibakar bersama mayat suaminya dengan, cara paksaan ataupun secara sukarela(Gosh,S.K,1989:140) oleh balu itu sendiri. Adat ini diamalkan secara luas di kalangan golongan atasan pada kurun ke 19.

Amalan ini berleluasa di kalangan masyarakat Hindu pada masa itu kerana balu wanita dikatakan membawa nasib malang kepada keluarga tersebut. Mereka yang hidup tanpa suami ditindas dan dipandang hina bukan sahaja oleh masyarakat tetapi sanak-saudara dan ahli keluarga sendiri (Ibid:143).

3.5.2 Penindasan balu wanita

Balu wanita yang dianggap malang tidak dibenarkan menyertai upacara sembayang dan menyertai perayaan-perayaan agama. Malah, mereka juga tidak dibenarkan keluar rumah atau menunjukkan muka apabila seseorang ahli keluarga atau tetamu

hendak keluar. Mereka biasanya akan menjadi orang gaji rumah tersebut dan harus tinggal di bahagian dapur (Gosh,S.K,1989:132).

Mereka dilarang memakai pakaian yang berwarna-warni kecuali putih, tidak boleh menghias diri atau memakai barang kemas dan tidak dibenarkan makan makanan yang sedap. Apabila wanita lain melihat keadaan yang menimpa balu wanita, ada yang sanggup secara sukarela membakar diri bersama mayat suami kerana takut menghadapi nasib yang malang seperti balu wanita lain (Ibid:133).

Wanita mandul juga menerima nasib yang sama seperti seorang balu. Lelaki dibenarkan berkahwin lagi untuk tujuan mendapat anak jika isteri pertama tidak dapat melahirkan anak. Oleh kerana agama Hindu milarang perceraian, suami tidak dibenarkan menceraikan isteri pertama apabila beliau berkahwin lagi untuk tujuan mendapatkan zuriat. (Margaret Cormack,1961:142).

3.5.3 Perkahwinan kanak-kanak

Perkahwinan ini memperlihatkan kanak-kanak perempuan yang diatur oleh ibubapa pada lingkungan usia 5 hingga 10 tahun. Kanak-kanak ini jelas tidak akan mempunyai perkembangan mental dan fizikal yang cukup untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang isteri. Kebiasaan mereka akan dikahwinkan dengan seorang lelaki yang jauh lebih dewasa(Manmohan Kaur,1985:11).

Kanak-kanak perempuan yang amsih mentah jarang keluar rumah, tidak mendapat peluang pendidikan,dan kurang arif dalam pelbagai aspek kehidupan, apatah lagi

tanggungjawab sebagai seorang isteri. Ramai kanak-kanak yang menjadi mangsa apabila mereka dikahwinkan dengan lelaki dewasa yang jauh lebih matang dan dipaksa memuaskan nafsunya

Seperti dalam kes ‘**Phulmani Dasi**’ yang disebut oleh Manmohan Kaur dalam bukunya berjudul “*Women In India's Freedom Struggle*” (1985), seorang kanak-kanak bernama Phulmani Dasi yang berusia 11 tahun dikahwinkan dengan seorang lelaki dewasa. Kanak-kanak tersebut meninggal dunia akibat penderaan suaminya mengadakan hubungan kelamin secara paksaan.

Ramai kanak-kanak yang berkahwin juga mengandung dan melahirkan anak pada usia yang muda. Akibatnya, ramai bayi yang baru lahir meninggal dunia kerana kurang kesedaran dan perhatian dari ibu. Kadang-kala ibu muda tersebut juga meninggal dunia kerana keadaan fizikal dan trauma yang dilalui oleh mereka. (Manmohan Kaur,1985:12).

Satu banci terhadap perkahwinan kanak-kanak pada tahun 1941 menunjukkan lebih kurang 60% kanak-kanak perempuan dikahwinkan dalam lingkungan umur 5 hingga 15 tahun (Ibid:15):

Jadual 3.1:Peratusan perkahwinan kanak-kanak perempuan mengikut peringkat umur

Umur	Peratus berkahwin
0 – 1	0.3
1 – 2	1.2
2 – 3	2.0
3 – 4	4.2
4 – 5	6.6
5 - 10	19.3
10 – 15	38.1

Sumber : Manmohan Kaur, “Women In India’s Freedom Struggle”,1985:15)

Thurston E.B dalam buku beliau yang berjodol “*Tribes and Castes of Southern India*”, menyebut tentang seorang budak lelaki Malayale di Salem dikahwinkan dengan seorang gadis berumur lingkungan 14 tahun. Bapa mertua gadis tersebut dikatakan akan menggantikan tempat anak lelakinya untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai suami sehingga anak lelaki beliau dewasa. Amalan seperti ini akan diteruskan ke generasi akan datang apabila budak lelaki tersebut matang dan mempunyai seorang menantu (Gosh,S.K, 1989:25) kelak, beliau akan melakukan perkara yang sama.

Di daerah Terunelvelly, Tanjore dan Trichinopoly terdapat kes dimana gadis remaja dikahwinkan dengan kanak-kanak lelaki biasanya saudara dari pihak ibu. Gadis ini akan bersekedudukan dengan ayah mertua sehingga suaminya dewasa. Jika wanita

ini melahirkan anak hasil perhubungan dengan ayah mertuanya atau ayah saudaranya,. suaminya akan menganggap anak tersebut dianggap sebagai ‘kandung’ anak sendiri(Ibid:25-26).

Di kalangan golongan Patel di utara India, jika suami meninggal dunia pada waktu kanak-kanak perempuan masih muda, balu perempuan akan diberi kepada seorang lelaki tua yang kehilangan isteri (Ibid:27).

Kanak-kanak perempuan mengalami pelbagai dugaan dan keperitan hidup jika berkahwin pada usia muda kepada seorang lelaki tua. Jika keadaan sebaliknya berlaku gadis India masih perlu menghaqungi pelbagai rintangan akibat terpaksa tinggal bersama lelaki lain untuk memuaskan nafsunya sehingga suaminya dewasa.

3.5.4 Amalan Dowri

Sistem dowri ini merupakan satu amalan di mana pihak wanita dikehendaki membayar mas kawhin kepada pihak pengantin lelaki. Masalah biasanya timbul kerana bapa pengantin perempuan mungkir janji. Ayah pengantin perempuan pula akan berjanji dowri di luar kemampuan semata-mata inginkan anak gadisnya mempunyai suami yang datang dari golongan kaya dan stabil. Mas kahwin ini dihantar dalam bentuk wang,barangan kemas,binatang peliharaan,harta benda termasuk orang gaji. Amalan ini mula menonjol pada tahun 200 masehi (Gosh,S.K, 1989:37).

Amalan dowri ini dikatakan menjadi satu fenomena negatif pada abad ke 13 di kalangan keluarga Rajput. Ramai menantu perempuan didera dan dibunuh oleh pihak lelaki yang tamak atau merasakan bahawa dowri tidak mencukupi ataupun bapa pengantin perempuan telah mungkir janji beliau selepas majlis perkahwinan selesai. Dalam satu peristiwa pada 8 November, 1887, **Utpalkumari**, anak perempuan penulis terkenal bernama Bankin Chandra Chatterji diracun sampai mati oleh suaminya Jyotindra Mohan Mukherji kerana tidak membawa dowri secukupnya (Ibid:70).

Satu jurnal yang bertajuk Somprokash, keluaran bulan Jun-Julai 1884, telah menerbitkan satu artikel bertajuk “*Sale of Sons in Bengal*” , memaparkan kisah seorang bapa pengantin perempuan yang sedih kerana anaknya didera akibat mertua yang tamakkan dowri. Pada Jun 15, 1888 jurnal yang sama menerbitkan arkitel meminta kerajaan British meluluskan satu undang-undang melindungi wanita yang ditindas akibat amalan dowri (Ibid:71).

Kesimpulan:

Pada mulanya adat-istiadat agama menentukan kedudukan wanita dalam masyarakat. Pada zaman Indo-Aryan wanita diletakkan dalam kedudukan yang tinggi dan diberi hak yang sama seperti kaum lelaki dalam bidang pelajaran, politik, falsafah dan membuat keputusan dalam isu-isu kehidupan dan masa depan mereka.

Kedudukan wanita mula menampakkan kemerosotan pada zaman Baudhayana tetapi kemerosotan yang ketara amat dirasai pada zaman Manu. Pada abad-abad berikutnya kedudukan kaum wanita semakin tertindas sehingga keduatangan kuasa-kuasa Barat ke India.

Kedatangan Islam pada abad ke 11 dikatakan sebagai salah satu penyebab orang Hindu mula mengenakan undang-undang yang lebih ketat terhadap wanita kerana takut mereka akan diculik oleh golongan pemerintah Islam pada masa itu. Pada masa ini wanita Hindu juga dikehendaki melindungi wajah mereka supaya tidak dilihat oleh orang luar. Orang Hindu dan Islam hidup dengan cara dan budaya mereka sendiri dalam keadaan harmoni secara berasingan.

Kedatangan kuasa asing seperti Portugis, Belanda dan British menyebabkan wanita dikawal ketat oleh kaum lelaki supaya tidak terpegaruh dengan budaya Eropah. Kuasa barat seperti British menonjolkan satu budaya yang amat berbeza dengan budaya masyarakat Hindu. Orang Inggeris dilihat memberikan lebih kebebasan kepada wanita dari segi pergaulan dan penyampaian pendapat. Walaupun kuasa barat sedar kedudukan wanita India yang ditindas, tetapi mereka mengamalkan polisi "tidak campur-tangan" dalam isu-isu sosial dan agama masyarakat tempatan.

Kedatangan pihak British dan kemasukkan pendidikan Inggeris dan sains akhirnya membuka mata ramai cendikiawan India. Perintis pergerakkan reformasi kaum wanita adalah terdiri dari kaum lelaki yang mempunyai pendidikan Inggeris. Tokoh-tokoh reformis awal sedar bahawa mereka harus melakukan sesuatu bagi

Tokoh-tokoh reformis awal sedar bahawa mereka harus melakukan sesuatu bagi membantu golongan wanita supaya tidak dipandang oleh British sebagai satu peradaban yang mundur dan suka menindas golongan wanita yang lemah.

Cendikiawan India berpendapat bahawa satu reformasi terhadap kaum wanita harus dilakukan supaya pihak British mempunyai keyakinan terhadap kebolehan masyarakat India untuk mentadbir negara mereka sendiri. Oleh kerana populasi penduduk yang terdiri dari kaum wanita, ramai tokoh politik berpendapat bahawa tenaga dan sumbangan wanita turut diperlukan untuk memperjuangkan kemerdekaan India pada masa itu.

Layanan yang diberikan kepada wanita pada era ini akan amat tidak memuaskan berbanding dengan kaum lelaki. Sumbangan mereka hanya terhad setakat menjadi seorang isteri dan ibu. Mereka tidak dibenarkan keluar rumah atau menyumbang ke arah pembangunan masyarakat dan negara.

Maka, reformasi kaum wanita dirasakan amat tepat masanya supaya wanita dapat menimba ilmu dan menggunakan ilmu tersebut untuk memajukan keluarga, masyarakat dan negara mereka supaya satu peradaban yang tinggi nilainya dapat diwujudkan oleh orang India pada masa depan. Persolan seterusnya ialah apakah bentuk-bentuk sumbangan yang dihasilkan oleh reformasi kaum wanita dari aspek sosial.